

Isu Yahudi tidak jejas perdagangan antarabangsa

UM 19 OCT 2003

KUALA LUMPUR 18 Okt. — Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yakin reaksi negatif pemimpin Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) terhadap ucapan Perdana Menteri tidak akan mempengaruhi hubungan perdagangan di antara negara-negara tersebut dengan Malaysia.

Pengarah Eksekutif, Datuk Mustapa Mohamed berkata, ini kerana urusan perdagangan tidak melibatkan hubungan antara kerajaan dengan kerajaan tetapi ia dibuat atas kehendak ahli perniagaan.

“Saya percaya ahli perniagaan dari rantau itu tidak akan mempedulikan sama ada pemimpin mereka menyukai negara ini atau tidak asalkan mereka tahu bahawa Malaysia adalah negara yang sesuai untuk perdagangan.

“Lagipun rakyat negara-negara berkenaan sendiri tahu bagaimana putar belit media negara mereka dalam usaha propaganda memburukkan mana-mana negara yang tidak disukai oleh pemimpin mereka,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Persidangan Perniagaan Islam Global anjuran Dewan Perniagaan Islam cawangan Pulau Pinang di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapannya semasa sesi pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelmarin menggesa umat Islam di seluruh dunia supaya melakukan perubahan dan menjadikan kejayaan kaum Yahudi sebagai contoh.

Menurut Mustapa, ini bukan kali pertama ucapan Perdana Menteri diputarbelitkan seperti yang berlaku baru-baru ini.